



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

BAZAR RAMADAN RAHMAH PERINGKAT NEGERI SELANGOR LAKSANAKAN MYSAVEFOOD ELAK PEMBAZIRAN MAKANAN

KUALA SELANGOR, 20 MAC 2024 – Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengadakan sesi *walkabout* di Bazar Ramadan Sungai Besar, Kuala Selangor sekaligus melancarkan Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) peringkat Negeri Selangor 2024.

Program BRR peringkat Negeri Selangor ini dilaksanakan secara kerjasama strategik di antara KPDN Selangor bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tanpa melibatkan sebarang peruntukan kewangan kepada Kerajaan PBT. Objektif BRR di Negeri Selangor adalah selari dengan inisiatif Program Payung RAHMAH iaitu mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui pilihan hidangan berbuka puasa pada harga yang berpatutan.

BRR di Negeri Selangor diadakan di 4 lokasi tumpuan pengunjung iaitu Bazar Ramadan Lotus Kuala Selangor, Sungai Besar, Kuala Kubu Bharu dan Kuala Langat. Secara keseluruhannya, keempat-empat lokasi BRR ini melibatkan 200 peniaga yang menawarkan Menu RAHMAH pada harga RM5 dan ke bawah. Manakala bagi Bazar Ramadan Sungai Besar, Kuala Selangor, 55 peniaga telah menawarkan Menu RAHMAH.

Pada masa yang sama, KPDN Selangor bersama PBT juga meneruskan perluasan Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (Retail Digitalisation Initiative – ReDI) bagi menggalakkan peniaga menjalankan perniagaan dengan aplikasi urus niaga digital tanpa tunai (*cashless*).

Pada kali ini juga, poenggunaan e-wallet RM20 seorang ditawarkan kepada 2,000 pengunjung terawal pada satu-satu masa di lokasi BRR terpilih di Selangor. Tawaran ini dipercayai sebagai satu tarikan pengunjung untuk mendapat manfaat berbelanja menu berbuka pada harga yang berpatutan dan celik urus niaga digital.

Turut berlangsung Majlis Pelancaran *MySaveFood* Peringkat Negeri Selangor yang disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri di lokasi Bazar Ramadan RAHMAH ini. *MySaveFood* merupakan Projek Malaysia Save Food Ramadan 2024 bersama Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia yang pertama kali dilaksanakan dengan kerjasama bersama KPDN Selangor di 3 buah IPTA di Selangor iaitu Politeknik Sultan Idris Shah di Sabak Bernam, Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi dan Universiti Islam Selangor di Nilai.

Pelancaran *MySaveFood* pada hari ini juga signifikan dengan Bazar Ramadan Sungai Besar, Kuala Selangor kerana pelaksanaan pertama kali program *MySaveFood* kali ini diuruskan gerak kerja oleh Gerakan Pengguna Siswa (GPS) Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Sabak Bernam yang merupakan komuniti aktif di bawah Gerakan Pengguna KPDN Selangor. Menerusi GPS ini, KPDN Selangor melantik seorang Ketua Bazar yang bertanggungjawab untuk mengurus gerak kerja *MySaveFood* seperti mengumpul dan mengedar makanan dan minuman yang tidak habis dijual secara percuma kepada golongan sasaran seperti pelajar universiti, asnaf, gelandangan, rumah kebajikan dan rumah ibadah.

Sebagai rekod pencapaian pelaksanaan Program *MySaveFood* di seluruh Negara, pada tahun 2023 sejumlah 25 tan makanan berjaya diselamatkan daripada pembaziran dengan bantuan 1,456 sukarelawan dan memberi manfaat kepada 97 surau/masjid, 34 isi rumah, 32 pelajar, 27 individu, 5 pusat kebajikan dan 3 persatuan. Susulan rekod pencapaian ini, KPDN Selangor berhasrat untuk menggalakkan kesemua BRR terpilih di Selangor untuk terlibat di bawah Program *MySaveFood* ini yang dipercayai memberi impak positif kepada masyarakat Selangor.

Seterusnya, YB Timbalan Menteri turut berkesempatan membuat lawatan ke Inkubator Keusahawanan Mesin Retort dan Nox Coffee yang dikendalikan sepenuhnya di bawah PSIS. Melalui penubuhan inkubator ini, aktiviti mesin retort dipelbagaikan dengan aktiviti keusahawanan, dan penghasilan produk khas pelajar PSIS. Kesan penubuhan inkubator ini, satu produk pelajar dihasilkan melalui jenama S-PSIS Retort dan seterusnya hasil jualan produk di sumbangkan kepada Foodbank@PSIS serta digunakan dalam sumbangan khususnya kepada pelajar PSIS.

Pada hari ini juga, turut berlangsung Majlis Berbuka Puasa YB Timbalan Menteri Bersama Komuniti Kuala Selangor bertempat di Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam seterusnya menyampaikan sumbangan Bakul RAHMAH kepada 100 orang penerima yang telah dikenalpasti oleh komuniti PSIS.

KPDN Selangor merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen yang mampan sepanjang menjayakan inisiatif-inisiatif di bawah kos sara hidup bagi membantu setiap golongan yang memerlukan dalam meringankan kos sara hidup.

YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###